

UUM ONLINE: Pasangan Mat Din Hussain dan Faridah Jusof, pemilik dusun di kawasan Kampung Puduk, Sungai Badak, Sintok menghargai kewujudan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pemberian buah durian yang dilakukan kepada Naib Canselor setiap tahun adalah sebagai tanda penghargaan mereka kerana dusun mereka terletak di kawasan berhampiran UUM.

Menurut Mat Din, dusunnya yang berusia 151 tahun dan mempunyai lebih 700 pokok menjadi tarikan kepada kakitangan universiti ini untuk membeli di dusunnya.

"Saya tidak perlu ke Rekan Changlon atau ke tempat lain untuk menjual hasil dari dusun saya kerana pembelinya kebanyakan kakitangan kampus ini," katanya ketika ditemui selepas menyerahkan lebih 30 buah durian kepada Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak di hadapan Bangunan Canselori, petang tadi.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my